

## Kenaikan gaji penjawat awam anjakan besar tingkat kualiti perkhidmatan



Kenaikan gaji penjawat awam mempunyai potensi untuk mempengaruhi kualiti perkhidmatan agensi berkenaan secara positif.

**PADA** 16 Ogos 2024, Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan kenaikan gaji penjawat awam Malaysia yang mencatatkan peningkatan tertinggi dalam sejarah negara.

Pelarasan yang merangkumi kenaikan 15 peratus bagi kumpulan pelaksana, pengurusan dan profesional serta 7 peratus bagi pengurusan tertinggi dilihat sebagai langkah penting untuk meningkatkan semangat kerja dan motivasi dalam kalangan penjawat awam.

Peningkatan itu dijangka membawa kepada peningkatan kualiti perkhidmatan kepada rakyat yang mana penjawat awam akan menikmati pelarasan gaji lebih baik, sekali gus meningkatkan jangkaan rakyat terhadap perkhidmatan awam yang cekap dan berkualiti tinggi.

Kenaikan gaji terbaharu itu mempunyai potensi untuk mempengaruhi

kualiti perkhidmatan penjawat awam secara positif, namun keberkesanannya bergantung kepada keupayaan untuk menangani isu asas dalam perkhidmatan awam.

Komitmen tersebut secara tidak langsung dapat menggalakkan sektor swasta untuk mempertimbangkan kenaikan gaji pekerja mereka.

Ia sejajar dengan saranan Perdana Menteri yang menggesa syarikat, terutamanya yang mencatatkan keuntungan tinggi untuk mengiktiraf, sekali gus memberi ganjaran kepada sumbangan tenaga kerja mereka.

*\*Dr Noor Aslinda Abu Seman dan Dr Arifha Mohamad ialah Pensyarah Kanan Johor Business School, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.*

**PENDAPAT**  
**Rakyat**